

28/02/1997

Sejarah Melayu drama bersiri terpanjang

Mokhtar Alias

BUAT pertama kali, naskhah Sejarah Melayu karya Tun Seri Lanang yang mengisahkan sejarah peradaban bangsa dan alam Melayu akan dipindah menjadi drama bersiri yang mungkin paling panjang dalam sejarah penerbitan drama televisyen tanah air.

Karyawan seperti Datuk Rahim Razali, Othman Zainuddin bersama penerbit Angkatan Seniman Abad 20 (ASA XX), Wan Rohani Zain ketika ini giat merangka struktur dan bentuk persembahan drama itu.

Ketika mengesahkan perkara itu, Wan Rohani berkata, buat permulaan pihaknya merancang membuat 13 siri tetapi belum dapat menyatakan stesen televisyen yang bakal menayangkan drama itu.

Dia berkata: "Projek besar ini jika mendapat sambutan pihak televisyen akan menjadi drama bersiri paling panjang bersesuaian dengan naskhah Sejarah Melayu itu sendiri."

Dia menjangka pembikinan drama itu bermula pertengahan tahun ini yang diarahkan oleh Rahim, Othman dan beberapa pengarah muda, termasuk Hafiz Othman lulusan Akademi Filem Malaysia yang ketika ini sedang melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sarawak.

"Rahim hanya bersara daripada mengarah filem tetapi dia masih bermain dengan drama," katanya kepada Pusparia.

Sejarah Melayu tulisan Tun Seri Lanang atau nama sebenarnya, Tun Muhammad Orang Kaya Paduka Raja menarik perhatian ramai, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam Perhimpunan Agung Umno, beberapa tahun lalu, mereka pernah mengaitkan kejatuhan Melaka disebabkan Kitul yang suka menabur fitnah bersama Raja Mendeliar yang tamak dan berhasad dengki.

"Selama ini hanya petikan kisah yang dimuatkan dalam Sejarah Melayu dijadikan drama atau filem terutama pada zaman kebangkitan Studio Jalan Ampas.

"Berbeza rancangan yang sedang kita buat untuk memindahkan semua kisah Sejarah Melayu untuk dihayati oleh generasi masa kini supaya mereka dapat mengenal sejarah bangsa Melayu itu sendiri," kata Wan Rohani.

Ketika ini, ASA XX bersandarkan buku Sejarah Melayu diusahakan W G Shellabear yang diambil daripada beberapa naskhah terdahulu, seperti edisi Jawi yang asli pada 1896.

"Kita sedang membincangkan secara serius sama ada mengekalkan bahasa Melayu lama seperti ditulis dalam naskhah itu atau perlu mengubah suai dalam konteks sesama.

"Yang jelas, kita mengambil latar belakang zaman itu dan penggambaran pula mengambil beberapa lokasi asal," katanya.

Sejarah Melayu mengandungi 34 cerita yang bermula daripada Raja Iskandar Zulkarnain, kisah Demang Lebar Daun di Palembang yang turut menyelitkan peristiwa Wan Empuk dan Wan Malini.

Ia berlanjutan kepada sejarah raja Melayu sehingga kedatangan Portugis di Melaka dan sekitar perkembangan sistem beraja di Tanah Melayu. Semua kisah itu disulami dengan pelbagai karenah bangsa Melayu.

Kata Wan Rohani, banyak kisah menarik boleh dipindahkan tetapi pihaknya akan memastikan setiap siri drama ini dipenuhi dengan pengajaran dan tamsil ibarat yang boleh memandu penonton terhadap pengajaran baik.

"Kita yakin tidak menghadapi masalah penerbitan kerana kita mempunyai ramai karyawan berbakat semua peringkat," katanya.

Dia menjelaskan jika tiada halangan, Sejarah Melayu sebagai sebuah karya seni klasik Melayu dimulakan pertengahan tahun ini.

(END)